

23/01/2005

Sharifah Mazlina kebanggaan ibu

By Nurul Hazren Masitom

LEGA... ibu rasa sangat lega dan kini boleh lena tidur. Walaupun dia selalu telefon dari sana (Antartika) tetapi rasa bimbang tu tetap ada...maklumlah dia perempuan. Kami sekeluarga tak putus-putus berdoa dan solat hajat agar dia selamat pulang ke tanah air.

"Kini, Maz dah kembali ke pangkuan keluarga. Ibu gembira hajat Maz tercapai. Lega dah sekarang....

Begitulah luahan Sharifah Mariam Syed Mohamad, 66, ibu Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir, 39 yang berjaya memenuhi impiannya mengharumkan negara sebagai wanita pertama Asia terpantas menjelajahi Kutub Selatan.

Beliau turut menyambut kepulangan anaknya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) baru-baru ini berkata: "Kami akan mengadakan kenduri doa selamat di tanah kelahiran Sharifah Mazlina di Johor Bahru, minggu ini atau minggu depan selain mendengar sendiri pengalaman pahit manis selama 22 hari."

Bagi Sharifah Mazlina, wanita hari ini tidak harus dilabel sebagai golongan `lemah' atau layak duduk di ceruk dapur, sebaliknya sifat feminin bukan penghalang untuk mencapai sesuatu yang kadangkala di luar jangkauan kemampuan insan.

Gelaran wanita terpantas yang diterimanya kerana berjaya merentasi Antartika melalui Kutub Selatan hingga ke Hercules Inlet sejauh 1,100 kilometer dalam tempoh 22 hari, cukup membuktikan `tamparan wanita' bak seni kata lagu kumpulan Elite.

Malah, kejayaannya dianggap sebagai `bonus' kepada Malaysia dan rakyat dari negara beriklim tropika khususnya kerana beliau memecahkan rekod tiga lelaki berbangsa Inggeris yang merentasi Antartika dalam tempoh 24 hari tahun lalu.

Kejayaan Sharifah Mazlina bukan mudah. Beliau sendiri membuat persediaan kira-kira dua tahun untuk memastikannya bersedia dari segi mental dan fizikal menghadapi pelbagai halangan dan rintangan yang tidak terduga.

"Nasihat saya, kepada sesiapa yang ingin membuat ekspedisi di Antartika, pertama sekali dapatkan agensi yang diiktiraf dunia untuk memberi pengesahan seperti Antarctic Logistics & Expedition (ALE).

"Yang kedua dan terpenting adalah latihan, persediaan dari segi mental dan fizikal, kemudian peralatan. Bukan senang untuk bertahan dalam kesejukan.

"Saya sendiri menjalani latihan di Norway dan menghabiskan masa sepanjang musim sejuk di sana dengan membiasakan dan memahirkan diri dengan teknik luncur layar ski serta cara pemakaian lapisan baju sejuk yang betul," katanya.

Ini kerana katanya, cara pemakaian baju sejuk dan peralatan yang tidak betul juga turut mempengaruhi persekitaran ekspedisi sama ada anda akan bertahan atau menarik diri.

"Pengetahuan mengenai keadaan di Antartika juga penting, bukan setakat pada kertas saja. Tempoh dua tahun menjalani latihan kadang kala tidak cukup jika tidak dilakukan sepenuh masa dan secara serius," katanya.

Sewaktu di Antartika, pengalaman enam anggota ekspedisi lain yang hanya menamatkan ekspedisi separuh jalan, benar-benar mengajarnya betapa pentingnya persediaan yang cukup sekiranya mahu menamatkan misi itu.

"Tiga anggota ekspedisi dari Australia, disebabkan mereka tidak cukup menjalani latihan secara fizikal, setelah lima hari mereka terpaksa

ditarik keluar kerana terlalu sejuk, sepatutnya mereka lebih bertahan kerana berasal dari negara beriklim sejuk.

"Seorang lelaki Norway pula yang berjalan kaki, selepas 300 km mengalami

kecederaan kerana memakai peralatan tidak betul dan terpaksa ditarik keluar.

"Pasukan tiga wanita dari Kanada, dua daripadanya terpaksa dikeluarkan dari ekspedisi kerana seorang daripadanya terpotong jari semasa menyediakan makanan dan terkena `frostbite'," katanya.

Malah, pihak ALE juga kagum kerana Sharifah Mazlina, seorang wanita rakyat Malaysia dari negara tropika mampu bertahan sepanjang ekspedisi itu meskipun tidak mempunyai pengalaman berhadapan dengan cuaca sejuk.

"Ekspedisi ini banyak mengajar saya mengenai kebesaran Allah, berada dalam keadaan kesejukan dengan suhu di bawah paras beku antara 35 hingga 48 darjah Celsius, sebagai umat Islam dan lebih-lebih lagi seorang wanita, kita tidak boleh riak dan takbur," katanya.

Semangatnya yang kuat untuk menghabiskan ekspedisi itu didorong rasa tanggungjawab mengenangkan kepercayaan oleh ramai pihak menerusi tajaan yang diterimanya.

Selain berdepan dengan keadaan cuaca terlampau sejuk, cabaran lain ialah menelan makanan kaya karbohidrat berasaskan pasta khusus bagi seorang penjelajah sepertinya.

Beliau mengakui ada ketikanya sukar menelan makanan itu kerana sudah jemu dan terpaksa menelannya dengan bantuan air glukos.

"Makanan penting kerana tanpa memakan makanan cukup tiada tenaga untuk menghabiskan ekspedisi," katanya.

Pengarah Projek Ekspedisi Antartika Sharifah Mazlina, Hazimah Zainuddin, mengakui beliau turut berkongsi saat sukar ketika ketiadaan angin pada awal ekspedisi Sharifah Mazlina.

"Ketika ketiadaan angin, saya turut risau dengan keadaannya, takut beliau tidak dapat meneruskan ekspedisi ini, jadi saya banyak memberi kata-kata semangat.

"Bila beliau telefon saya mengatakan tiada angin sedangkan segala persiapan sudah dibuat, saya terus memanggil seorang ustaz dan membuat kenduri doa selamat selama tujuh malam berturut-turut selain menelefon ibunya, Sharifah Mariam Syed Mohamad di Johor Bahru supaya turut membuat kenduri doa selamat solat hajat.

"Dalam keadaan itu, kita kena balik kepada keadaan asal kita, usaha sudah dibuat kita hanya bertawakal kepada Nya dan Alhamdulillah setelah beberapa hari barulah ada angin dan beliau meneruskan ekspedisinya," katanya.

Mengenai kejayaan Sharifah Mazlina, Hazimah menganggap kejayaan itu sebagai kejayaannya dan Peniagawati. Ekspedisi itu turut itu merapatkan hubungan beliau dan Sharifah Mazlina yang pada mulanya bukan satu `permulaan' baik.

Berita Harian dan The New Straits Times ialah akhbar rasmi ekspedisi itu. Penaja terdiri daripada Kementerian Belia dan Sukan, Petronas, Tenaga Nasional Berhad, MEC, minuman isotonik 100Plus, Penerbangan Malaysia (MAS), AmBank, Kerajaan Johor, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Peniagawati, Clinique dan Hyrax Oil.

Dalam pada itu, ekspedisi Sharifah Mazlina tidak lari daripada dilanda kontroversi apabila ramai mempertikaikan ia bukan dilakukan secara solo.

Beliau mengaku ditemani seorang jurugambar daripada agensi pengiktirafnya, ALE tetapi tugasnya hanya untuk mengambil gambar dan ia atas cadangan Dr Mahathir yang mahu gambarnya dirakam sebagai bukti.

"Saya memang ditemani jurugambar tetapi dia tidak boleh membantu, sekali pun jika dalam kesusahan. Perkara itu ada dinyatakan dalam surat

pengiktirafan yang dikeluarkan oleh ALE," katanya.

Mengulas kenyataan sesetengah pihak bahawa laluan yang digunakan beliau adalah mudah, Sharifah Mazlina mencabar pihak berkenaan supaya mengalami sendiri apa yang dilaluinya dan buktikan sama ada ia mudah atau tidak.

"Jikalau ditanya perasaan saya, saya tidak akan rasa apa-apa mengenai kenyataan itu. Mereka boleh kata apa saja tetapi apa yang saya lakukan adalah berdasarkan perancangan saya dan laluan yang digunakan adalah benar-benar laluan ekspedisi atas nasihat ALE.

"Saya boleh cakap begitu kerana saya ada pengalaman sebelum ini dan sebelum melakukan ekspedisi kena ada latar belakang dan saya sendiri melakukan latihan insentif selama dua tahun, jadi kena buktikan dulu baru boleh cakap," katanya.

Beliau menegaskan, ALE bukan syarikat pelancongan di Antartika seperti yang didakwa kerana ia sudah bertapak dan diiktiraf dunia sejak 20 tahun lalu.

Selain mencatat nama sebagai wanita terpentas, misinya ke Antartika juga adalah untuk melengkapkan tesis psikologi wanita dari sudut ketahanannya dalam keadaan cuaca sejuk melampau berdasarkan maklumat yang disimpan dalam jam edisi Kutub Selatan.

Pensyarah Psikologi Sukan, Fakulti Sukan dan Rekreasi UiTM berusia 39 tahun itu menjangka akan menyiapkan tesisnya untuk mendapat ijazah Doktor Falsafah (PhD) Mac ini.

"Tesis ini akan menerangkan strategi saya dari sudut psikologi, bagaimana saya mampu bertahan dalam cuaca sejuk melampau berdasarkan disiplin diri, corak tidur yang cukup, mood, segala yang direkod termasuk membuang air sekali pun dari segi manual dan saintifik," katanya yang akan berkongsi dengan ramai pihak mengenai pengalamannya itu.

Malah, beliau akan menjadi `duta' kepada Kementerian Belia dan Sukan untuk menjelajah di seluruh negara bagi memberi motivasi khususnya kepada golongan belia.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, juga mahu beliau menjelajah di semua 14 kampus institusi itu untuk berkongsi pengalaman dengan kira-kira 100,000 pelajarnya.

UiTM sendiri memberi kelonggaran dengan cuti bergaji penuh kepada Sharifah Mazlina sehingga hujung Mei ini bagi memenuhi komitmennya dengan kementerian berkenaan.

Bagaimanapun, orang yang paling bersyukur sehingga Sharifah Mazlina berjaya memenuhi impiannya mengharumkan nama negara ialah ibunya,

(END) Source : Berita Harian